

Headline **Tindakan Perlembagaan hanya dengan kelulusan Majlis Raja-Raja**
Date **22 Oct 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **2**
Article Size **155 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **6,829**
PRValue **20,486**



'Pindaan Perlembagaan hanya dengan kelulusan Majlis Raja-Raja'

KUALA LUMPUR: Pindaan Perlembagaan Persekutuan khususnya membatik kedudukan Melayu hanya boleh dibuat dengan kelulusan Majlis Raja-Raja walaupun memperoleh majoriti dua pertiga di Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Pakar Undang-Undang Perlembagaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof Madya Dr Shamrahayu Abdul Aziz (**kanan**), berkata sebarang pindaan membatik kedudukan Melayu, termasuk Perkara 153 yang menyentuh kedudukan istimewa orang

Melayu dan Bumiputera, perlu melalui Dewan Rakyat dan Dewan Negara dengan dua pertiga majoriti pada bacaan kali kedua dan ketiga.

"Selepas itu, pindaan berkenaan perlu mendapat persetujuan Majlis Raja-Raja berdasarkan peruntukan Perkara 38 (Majlis Raja-Raja) Fasal 4 dan Fasal 5 dalam Perlembagaan Persekutuan," katanya.

Fasal 4, Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan menyebut: "Tiada apa-apa undang-undang yang menyentuh secara langsung keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran Raja-Raja boleh diluluskan tanpa persetujuan Majlis Raja-Raja".

Fasal 5, Perkara 38 pula menyebut: "Majlis Raja-Raja perlu dirujuk sebelum membuat apa-apa perubahan mengenai dasar mengenai tindakan pentadbiran di bawah

Perkara 153".

Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan menyentuh perizaban kuota mengenai perkhidmatan, permit dan sebagainya bagi orang Melayu.

Beliau mengulas ucapan dasar Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Razak mengenai kedudukan istimewa Melayu dan Bumiputera hanya boleh dipinda selepas mendapat perkenan Majlis Raja-Raja yang dianggotai sembilan Raja Melayu walaupun mendapat dua pertiga majoriti di Parlimen.

Shamrahayu menjelaskan pindaan kepada undang-undang dan perlembagaan di Parlimen boleh dilakukan melalui empat cara iaitu dengan mendapat majoriti mudah di Parlimen, majoriti dua

pertiga, majoriti dua pertiga dengan persetujuan Yang Dipertua Negeri/Gabenor Sabah dan Sarawak (pindaan membatik negeri terabit) dan majoriti dua pertiga dengan kelulusan Majlis Raja-Raja bagi pindaan membatik kedudukan Melayu.

